

MRT Corporation buka tender laluan terakhir

» *Projek Laluan 2, Laluan 3 babit pembinaan rel 100 kilometer*

Oleh **Ahmad Farizal Hajat**
ahmadfarizal@bharian.com.my

► **Shah Alam**

MRT Corporation akan mula membuka tender terakhir kerja pembinaan projek My Rapid Transit (MRT) Lembah Klang yang membabitkan dua lagi laluan, iaitu Laluan 2 dan Laluan 3 pada separuh kedua tahun depan.

Pembukaan tender itu adalah susulan kemajuan agihan kontrak kerja bagi Laluan 1 sebelum ini yang menghubungkan Sungai Buloh dan Kajang.

Anggaran kos bagi dua laluan baru itu pula akan ditentukan tahun depan, iaitu selepas semua jajaran laluannya dimuktamadkan pada separuh pertama 2013.

Pengarah Komunikasi Strategik dan Perhubungan Awamnya, Amir Mahmood Razak, berkata jajaran baru itu akan ditentukan selepas mengambil kira semua maklum balas diterima daripada pameran awam yang bakal diadakan kelak.

"Tender untuk Laluan 2 dan Laluan 3 projek MRT Lembah Klang akan mula dibuka kepada kontraktor yang layak sekitar separuh kedua tahun depan, iaitu selepas kajian daya maju untuk dua laluan berkenaan siap dan diluluskan kerajaan.

Agih tender

"Kami berharap dapat mengagihkan keseluruhan tender projek bagi Laluan 2 dan Laluan 3 itu sebelum akhir tahun depan bagi membolehkan ia siap dan mampu beroperasi sepenuhnya menjelang 2020," katanya pada taklimat media mengenai kerja jambat MRT V2 di sini semalam.

Amir berkata, kontraktor yang sudah diberikan kerja di bawah Laluan 1 juga boleh mengambil bahagian membida tender laluan baru itu.

"Mereka (kontraktor yang telah memperoleh kerja daripada MRT) memiliki pengalaman dan

kepakaran. Sudah tentu mereka juga boleh mengambil bahagian," katanya.

Siap operasi menjelang 2017

Difahamkan, Laluan 2 dan Laluan 3 itu dijangka membabitkan pembinaan laluan lingkaran di sekitar pusat bandar dan juga laluan yang akan menghubungkan kawasan pinggir bandar di selatan dan utara, sepanjang 100 kilometer.

Sementara itu, Amir berkata, pakej pembinaan projek MRT Laluan 1 kini berjalan lancar dan dijangka siap beroperasi sepenuhnya menjelang 2017.

Sehubungan itu, pemilik dan pengendali MRT Lembah Klang itu, jelas Amir akan mengagihkan baki kontrak pakej pembinaan projek dengan nilai kira-kira RM2 bilion lagi itu sebelum akhir tahun ini, bagi membolehkannya beroperasi seperti yang dijadualkan.

Projek MRT bagi Laluan 1 itu membabitkan pembinaan aliran rel penumpang elektrik yang bermula dari Sungai Buloh merentasi pusat bandar Kuala Lumpur ke Kajang sejauh 51 kilometer.

Ia termasuk laluan terowong bawah tanah antara Jalan Semantan ke Maluri.



“*Tender untuk Laluan 2 dan Laluan 3 projek MRT Lembah Klang akan mula dibuka kepada kontraktor yang layak sekitar separuh kedua tahun depan*”

Amir Mahmood Razak,
Pengarah Komunikasi
Strategik dan Perhubungan
Awam MRT Corporation

Laluan MRT itu akan memiliki 31 stesen itu melalui Bandar Utama, Damansara, Taman Tun Dr Ismail, pusat bandar raya Kuala Lumpur dan Cheras.

Apabila siap kelak, ia akan memberi kemudahan kepada lebih 10 juta penumpang di Lembah Klang, dengan sekurang-kurangnya 50 peratus penduduk kawasan itu dijangka beralih menggunakan pengangkutan awam.